


# PANDEMIK INFLUENZA

## APA YANG ANDA PERLU TAHU



**PANDUAN  
PEMILIHAN  
DAN PENGGUNAAN  
PENUTUP MULUT  
DAN HIDUNG (MASK)**

## DI MANA IA BOLEH DIPEROLEHI?

Ia boleh diperolehi di kebanyakan kedai farmasi.

## PERBUATAN YANG **PERLU DIELAKKAN** SEMASA MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG



(8) Memakai mask di leher (bawah dagu)



(8) Memakai mask dan menggaru hidung & mulut



(8) Memakai mask tetapi mendedahkan hidung



(8) Mask yang telah digunakan diletak merata-rata

TUJUAN MEMAKAI PENUTUP MULUT DAN HIDUNG ADALAH UNTUK MENGHALANG TITISAN CECAIR PERNAFASAN DARIPADA MENCEMARI PERSEKITARAN



Diterbitkan oleh:  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Tel: 03-8881 0200/300

Laman Web: <http://dph.gov.my/survelans/>  
<http://www.infosihat.gov.my>

PI.9 (versi 1), 12/2006 (BM 200,000)

# PILIHAN JENIS PENUTUP MULUT DAN HIDUNG (MASK)


JENIS	SIAPA YANG PATUT MEMAKAINYA?
<p data-bbox="97 210 489 258">PENUTUP MULUT DAN HIDUNG PEMBEDAHAN (SURGICAL MASK)</p> 	<ul data-bbox="568 210 951 494" style="list-style-type: none"><li>• Pesakit yang disyaki menghidap influenza</li><li>• Semua pihak (anggota kesihatan dan orang perseorangan) yang menjaga pesakit influenza</li><li>• Kontak (orang yang berhubung dengan pesakit influenza)</li><li>• Mereka yang mempunyai gejala penyakit sistem pernafasan</li></ul>
<p data-bbox="97 571 463 596">PENUTUP MULUT DAN HIDUNG</p>  <p data-bbox="97 865 140 884">N95</p>  <p data-bbox="97 1161 151 1181">N100</p>	<ul data-bbox="568 612 1029 1031" style="list-style-type: none"><li>• Anggota kesihatan dan perubatan yang akan menjalankan prosedur-prosedur tertentu yang mungkin mendedahkan mereka kepada percikan atau tumpahan cecair mulut dan hidung pesakit influenza</li><li>• Semua pekerja yang bertugas di Makmal Kajikuman Tahap 3</li><li>• Mereka yang berisiko tinggi terdedah kepada inokulasi virus, contohnya semasa menjalankan kajian ke atas virus</li><li>• Alat ini tidak berkesan sekiranya anda berjambang/berjanggut kerana ini akan membolehkan udara tercemar masuk di celahnya tanpa ditapis.</li></ul>
<p data-bbox="87 1244 225 1264">RESPIRATOR</p>  	<ul data-bbox="568 1283 1025 1331" style="list-style-type: none"><li>• Hanya untuk anggota penyelamat / kesihatan yang mengendalikan situasi kritikal</li></ul>

## CARA MENGGUNA/MEMAKAINYA

- Tutup keseluruhan mulut dan hidung
- Tekan kepingan logam mengikut bentuk hidung
- Digunakan sekali secara pakai buang
- Buang ke dalam bakul sampah




1. Kendurkan tali getah dengan menarik di antara 1 - 2 inci sepanjang tali supaya tali getah tidak terlalu tegang.



4. Letakkan tali getah atas mengelilingi kepala di paras atas telinga manakala tali kedua diletakkan di paras bawah telinga. Pastikan tali getah tidak terpinjal.



2. Pegang penutup mulut dan hidung itu di tapak tangan anda dengan meletakkan hujung jari kepada kepingan logam penyepit hidung. Biar tali getah terjuntai di bawah tangan anda.



5. Menggunakan kedua-dua belah tangan, bentukkan kepingan logam mengikut bentuk hidung.



3. Tangkupkan penutup mulut dan hidung itu di bawah dagu dengan kepingan logam penyepit hidung di sebelah atas.



6. Untuk memastikan pemakaian yang betul, tutup pelindung dengan kedua-dua belah tapak tangan dan hembus dengan kuat.

Sekiranya udara keluar dari sekeliling hidung, tekan kepingan logam, supaya melekap pada hidung. Jika udara keluar dari tepi, tarik getah ke belakang.

- Sila patuhi arahan yang disediakan di dalam manual